

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 17 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 9**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1141-L2174  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian jadual pelaksanaan projek-projek pembangunan wilayah seperti yang telah dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mengikut wilayah.
2. PN-1141-L2486  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perbezaan faktor-faktor utama atau kriteria yang diambil kira dalam kenaikan tol antara kontrak-kontrak yang ditandatangani Kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, apakah kriteria-kriteria yang telah diubah dan dimasukkan dalam kontrak-kontrak penswastaan lebuhraya yang baru selepas mempelajari pengalaman dan impak kontrak yang ditandatangani dahulu.
3. PN-1141-L2192  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kajian telah dilakukan terhadap keberkesanan kempen kitar semula, apakah tahap kejayaannya dan apakah faktor utama kepada kelembapan perjalanan program ini.
4. PN-1141-L2190  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membantu para pekerja di ladang-ladang yang menerima gaji kurang dari RM500 sebulan.
5. PN-1141-L2139  
**Datuk Chew Yun Ming** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan semua kanak-kanak di negara ini mendapat pelajaran yang sewajarnya memandangkan masih terdapat segelintir golongan yang tercicir daripada arus pembelajaran perdana negara.

6. PN-1141-L2354  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga ini adakah wujud suatu garis panduan yang membolehkan para ibu bapa di kalangan penjawat jawatan awam ditempatkan tidak berjauhan dari keluarga mereka.
7. PN-1141-L2899  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan selaku Pengerusi OIC, apakah pencapaian Malaysia dalam memenangi isu-isu antarabangsa terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan negara-negara OIC.
8. PN-1141-L2422  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengenakan caj menaik (rising scale) kepada pengguna elektrik yang menggunakan elektrik secara berlebihan sedangkan sepatutnya TNB mengenakan caj menurun (sliding scale) untuk menggalakkan penggunaan barangan elektrik yang menjadi petanda tahap kemajuan sesebuah negara.
9. PN-1141-L2369  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan dan jenis (jenama) kereta-kereta yang masih lagi diimport bagi tahun 2005 sehingga 2006.
10. PN-1141-L2877  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi agensi penguatkuasaan JPJ di seluruh negara selain daripada membuat sekatan jalan raya dan menyamar di dalam mengesan pemandu-pemandu yang memandu semua jenis kenderaan tanpa lesen, pemandu khayal atau mabuk, pemandu teksi dan bas untuk tujuan jenayah dan berapakah jumlah Pegawai Penguatkuasa JPJ mengikut negeri di seluruh negara sehingga April, 2007 dan jumlah kekosongannya.
11. PN-1141-L2802  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha Kementerian untuk membantu para graduan menganggur adalah usaha yang murni. Namun, apakah kaitan dan sumbangannya untuk kemajuan sektor perdagangan pengedaran itu sendiri.
12. PN-1141-L2848  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan institusi-institusi kewangan agar memberitahu pelanggan apakah kos sebenar pinjaman mereka.

13. PN-1141-L2200  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian ingin mengatasi masalah kemiskinan warga tua, kehidupan setinggan, ibu tunggal, keluarga bermasalah, pengangguran dan kebajikan yang wajar diberi tumpuan di bawah Dasar Sosial Negara supaya modal insan negara ini tidak menjadikan isu-isu ini sebagai penghalang kepada pembangunan mereka dan pada masa yang sama menjadikan RMK-9 sebagai teras dalam memastikan kesemua keperluan ahli komuniti dipenuhi terus demi memperkasakan pembangunan modal insan negara.
14. PN-1141-L2441  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat mana kejayaan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Malaysia Pulang Ke Malaysia sejak berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001.
15. PN-1141-L2343  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapakah pihak Kementerian tidak mewujudkan perumahan yang lebih efektif untuk generasi kedua di tanah-tanah rancangan seperti rumah kembar atau rumah teres untuk menjimatkan tanah dan apakah tindakan pihak Kementerian untuk menghalang generasi kedua anak-anak peneroka agar dapat bekerja di sekitar rancangan tanah asal daripada berpindah ke bandar.
16. PN-1141-L2695  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan Kementerian mengaplikasikan beberapa kebolehan atau kemahiran lain di IPTA bagi melahirkan graduan cemerlang yang berkualiti dan bukan hanya graduan yang diukur dengan kecemerlangan akademik semata-mata.
17. PN-1141-L2241  
**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mewajibkan stesen-stesen tv dan radio swasta ini mendukung Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
18. PN-1141-L2511  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati dengan cara pakaian pramugari Air Asia. Pernah Kerajaan membuat apa-apa cadangan supaya pakaian mereka lebih menonjolkan budaya masyarakat tempatan.

19. PN-1141-L2619  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan bapa tunggal yang ada dan sejauh manakah usaha Kementerian dalam memberi bantuan kepada mereka.
20. PN-1141-L2150  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kesan-kesan negatif dan cara-cara penyelesaian terhadap masalah kesesakan di penjara Simpang Renggam, Sg. Buloh dan Kajang.
21. PN-1141-L2893  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan untuk memastikan hanya besi keluli (steel bar) dibekalkan mengikut harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
22. PN-1141-L2819  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah bagi membendung kegiatan pengedaran sistem pesanan ringkas (SMS) berunsur lucah dan fitnah.
23. PN-1141-L2541  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan untuk memendekkan masa perjalanan Kereta Api Tanah Melayu (KTM) dari Tumpat ke Kuala Lumpur setelah 50 tahun merdeka tanpa melalui Stesen Gemas dan bila serta berapakah perbelanjaan yang dianggarkan sekiranya pembukaan jalan kereta api baru pintas ini boleh dibina; dan
  - (b) bilangan pengguna KTM untuk perjalanan jauh dan transit aliran ringan bagi perjalanan dekat sepanjang tahun dari tahun 1995 hingga 2006 dan apakah laluan yang paling menguntungkan.
24. PN-1141-L2909  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah diambil Kementerian ini untuk meluaskan lagi ruang penglibatan koperasi dalam bidang perniagaan selain 'bidang tradisi' seperti bidang pengangkutan kenderaan perdagangan atau menjadi pemaju projek perumahan, supaya koperasi-koperasi ini mempunyai daya tahan, berdaya maju dan berdaya saing.

25. PN-1141-L2586  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan sekolah-sekolah Tamil di negara ini yang masih kekurangan guru-guru terlatih.
26. PN-1141-L2065  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan di bawah RMK-9 bagi perkampungan-perkampungan baru cina di seluruh negara.
27. PN-1141-L2540  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kelebihan yang akan diperoleh oleh Jabatan Pelajaran, Pejabat Pelajaran Daerah atau sekolah jika Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) diberi tempat di jabatan-jabatan ini.
28. PN-1141-L2704  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mewajibkan pemilik rumah mengasingkan sampah mereka mengikut kategori yang boleh di kitar atau tidak dan keringkan sampah dahulu sebelum dibuang untuk mengurangkan bau busuk akibat sampah yang basah.
29. PN-1141-L2240  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rasionalnya tindakan Kementerian untuk menyerapkan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dalam Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) kerana ia boleh menyekat kenaikan pangkat guru-guru.
30. PN-1141-L2205  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa cadangan memperkenalkan Skim Insurans Berkelompok bagi peneroka FELDA ditolak dan apakah kajian menunjukkan keburukan melebihi manfaatnya hingga cadangan itu ditolak atau faktor-faktor lain yang lebih dipertimbangkan.
31. PN-1141-L2820  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Polis DiRaja Malaysia telah dilaksanakan dan keberkesanannya.
32. PN-1141-L2332  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah tiada keseragaman antara universiti-universiti dalam negara yang tidak mengenakan syarat wajib pencapaian tahap band 2 dalam peperiksaan Muet sebagai syarat kemasukan ke universiti-universiti sekarang.

33. PN-1141-L2868  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kita yakin bahawa sayur-sayuran dan buah-buahan yang kita makan di negara ini (baik yang diimport atau yang ditanam secara komersial) mengikut piawaian keselamatan makanan (food safety regulation) yang diterima pakai oleh dunia. Apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan bahawa barangan itu tidak mengandungi bahan kimia yang berbahaya seperti penggunaan racun serangga yang berlebihan dan Kementerian mempunyai sistem pemantauan yang berkesan untuk menangani masalah ini.
34. PN-1141-L2779  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah penerima bantuan peruntukan untuk mangsa banjir di negeri Sabah. Adakah bantuan tersebut telah disalurkan, jika ada berapakah jumlah penerima dan kawasan banjir yang telah menerima bantuan.
35. PN-1141-L2869  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan tidak berhasrat mewujudkan sistem pengedaran sayur-sayuran yang lebih sistematik, bersih dan efisien untuk masa depan kerana sistem "wet market" (pasar basah) tidak lagi sesuai untuk negara ini. Apakah Kerajaan akan mengambil contoh negara-negara seperti Amerika Syarikat dan anggota Kesatuan Eropah (EU) yang mewujudkan konsep "grower-shipper" (tanam dan edar).
36. PN-1141-L2023  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan secara terperinci dasar, kaedah pelaksanaan, perancangan, kawalan, pemantauan dan penyelarasan sumber air kerana mungkin terdapat ketidakseragaman pengurusan air dan pengurusan sumber air serta apakah tindakan Kerajaan untuk menyeragamkannya.
37. PN-1141-L2741  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah pelancong luar negara yang telah berkunjung ke negara kita sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2007 di mana kempen ini telah meletakkan sasaran kehadiran sebanyak 20.1 juta pelancong.
38. PN-1141-L2780  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah PATI yang telah dihantar pulang dan jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan kerana penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) suatu pembaziran wang negara dan membebankan, di mana kebanyakan PATI tersebut apabila dihantar pulang akan kembali semula dengan identiti baru dan masuk secara sah.

39. PN-1141-L2804  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil Kementerian menangani Kempen Anti Kelapa Sawit yang dihebahkan di Eropah.
40. PN-1141-L2379  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah kementerian di dalam menangani isu-isu kekurangan perkhidmatan doktor-doktor di seluruh negara dan juga kekurangan perkhidmatan perubatan di tempat-tempat terpencil termasuk yang memerlukan 'flying doctor service' seperti di Sarawak.
41. PN-1141-L2771  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa lama lagi tempoh yang diberikan kepada rakyat untuk menukarkan kad pengenalan ke Mykad.
42. PN-1141-L2745  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa Kementerian tidak terus menghalang kemasukan beras dari Amerika Syarikat yang banyak mendatangkan kesan yang buruk daripada kebaikan.
43. PN-1141-L2151  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah kita masih tidak berjaya untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Pengeluaran Produk Halal dunia.
44. PN-1141-L2772  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mewajibkan para pemilik bangunan dalam kawasan bandar untuk memperbaiki dan mengecat bangunan mereka yang sudah usang untuk meningkatkan mutu kecantikan bandar.
45. PN-1141-L2278  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam menangani masalah tidak puas hati orang bukan Islam terhadap keputusan kes yang dirujuk ke Mahkamah Syariah dalam hal penceraian, kematian dan seumpamanya.
46. PN-1141-L2073  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan-tindakan dan langkah yang diambil untuk membantu membasmi kemiskinan tegar khususnya di kawasan bandar.

47. PN-1141-L2127  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat pengurangan jumlah penjenayah di Sarawak yang telah dibuang negeri atau daerah pada tahun 2006 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya berikutan kegiatan jenayah dan kesalahan yang telah dilakukan dan sama ada kaedah ini adalah efektif bagi mengurangkan aktiviti-aktiviti jenayah.
48. PN-1141-L2398  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana langkah-langkah kawalan harga dalam mempromosi jualan murah oleh pasar raya dan gedung komersial di negara ini.
49. PN-1141-L2652  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik pelajar-pelajar matrikulasi mengikut kaum bagi tiga tahun yang lalu.
50. PN-1141-L2552  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihaknya tidak mempunyai cadangan untuk mengkaji Transliterasi orang yang mengambil transkrip di mahkamah untuk mengambil nota prosiding secara lengkap (Verbatim) di mana prosesnya dapat meringankan beban hakim-hakim dan hakim-hakim tersebut dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada isu-isu utama kes.
51. PN-1141-L2050  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik keciciran pelajar sekolah rendah bagi tahun 2006 hingga kini, mengikut pecahan negeri.
52. PN-1141-L2399  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah perlu dan sesuai bagi pameran Jin dan Hantu diadakan untuk tontonan masyarakat tempatan.
53. PN-1141-L2655  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pihak polis berjaya mengesan, membongkar dan menyelesaikan kes dan sindiket kecurian kereta-kereta mewah di negara kita. Berapakah jumlah kes setakat ini, apakah jenis kereta yang selalu dicuri dan ke negara manakah kereta-kereta ini dibawa keluar
54. PN-1141-L2836  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah penguasaan saham masyarakat berbangsa Melayu, Cina dan India di Bursa Kuala Lumpur dan nyatakan juga pecahan pegangan saham pelabur daripada luar negara.

55. PN-1141-L2310  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memerangi blog-blog yang secara terbuka menyebarkan maklumat berunsur fitnah dan setakat mana pula keberkesanan JASA (Jabatan Hal Ehwal Khas) dalam menyediakan program penerangan mengenai dasar Kerajaan terutamanya dalam menangani gejala fitnah tersebut.
56. PN-1141-L2657  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah mekanisme dan kaedah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk proses pendaftaran laman blog yang berunsur politik.
57. PN-1141-L2262  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan yang lebih komprehensif untuk memajukan sektor pertanian secara bersepadu di tanah milik persendirian yang terbiar.
58. PN-1141-L2107  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak pentadbiran hospital Kerajaan di negara ini, contohnya Hospital Kuala Lumpur (HKL), diberikan kebenaran untuk mengenakan bayaran meletak kenderaan berbayar yang dikendalikan oleh pihak swasta, kerana orang ramai menyifatkan langkah itu sebagai membebankan pengguna.
59. PN-1141-L2245  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan memandangkan program Tahun Melawat Malaysia 2007 telah dilancarkan sejak Januari 2007, apakah keputusan ke atas keberkesanan program ini dan berapa ramai pelancong asing telah melawat negara kita dari bulan Januari hingga Mac, 2007.
60. PN-1141-L2654  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sistem pemasaran produk pertanian negara ke Negara-negara OIC.
61. PN-1141-L2460  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha serta bantuan yang diberikan oleh Kementerian bagi membantu usahawan-usahawan untuk memulakan perniagaan di dalam bidang ICT serta membina keupayaan usahawan kecil di dalam bidang ICT ini supaya mereka menjadi lebih dinamik dan kompetitif agar hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub ICT dan multimedia antarabangsa terkemuka yang setanding dengan India dan Negara China.

62. PN-1141-L2859  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan operasi pengendalian kargo melalui mode kereta api dan apakah KTM Berhad mempunyai tenaga profesional dalam pengendalian Cargo Volume yang dijangkakan akan meningkat berdasarkan batas keupayaan semasa KTM Freight dan Multi modal Sdn. Bhd.
63. PN-1141-L2264  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan data atau jumlah permasalahan yang dialami oleh pembeli-pembeli rumah dan peratusan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dikemukakan.
64. PN-1141-L2488  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam kajian UPE, apakah strategi-strategi dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memanfaatkan rakyat dan Kerajaan Malaysia dalam perkembangan ekonomi Negara China dan India yang pesat ini.
65. PN-1141-L2108  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pemantauan dilakukan ke atas kilang-kilang atau pengusaha yang mengeluarkan air minuman bersuling (mineral water), apakah ianya mematuhi piawaian kesihatan yang telah ditetapkan kerana sejak akhir-akhir ini didapati pelbagai jenama air suling dijual dengan harga yang rendah.
66. PN-1141-L2443  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah pendakwah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bergerak berdakwah di seluruh negara dan adakah pendakwah kita turut berdakwah di luar negara seperti ditempatkan di pejabat kedutaan.
67. PN-1141-L2581  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan mengenai penyiaran Berita Tamil lebih daripada sekali sehari sepertimana Berita Mandarin disiarkan di RTM 2.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1.	(D.R. 25/2006)	Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006;	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
2.	(D.R. 44/2006)	Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006;	“
3.	(D.R. 5/2007)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007;	“
4.	(D.R. 27/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006;	“
5.	(D.R. 28/2006)	Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006;	“
6.	(D.R. 38/2006)	Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006;	“
7.	(D.R. 37/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006;	“
8.	(D.R. 36/2006)	Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006;	“
9.	(D.R. 30/2006)	Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006;	“
10.	(D.R. 33/2006)	Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006;	“
11.	(D.R. 52/2006)	Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;	“
12.	(D.R. 2/2007)	Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;	“
13.	(D.R.3/2007)	Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;	“
14.	(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;	“
15.	(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;	“
16.	(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;	“

- |     |                |   |                               |
|-----|----------------|---|-------------------------------|
| 17. | (D.R. 8/2007)  | Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;                         | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 18. | (D.R. 11/2007) | Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;                     | “                             |
| 19. | (D.R. 12/2007) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;                     | “                             |
| 20. | (D.R. 10/2007) | Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007; | “                             |
| 21. | (D.R. 13/2007) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan            | “                             |
| 22. | (D.R. 14/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.         |                               |

23. PN-1141-U2092

**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

**(Perdana Menteri)**

24. PN-1141-U2323

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

**(Menteri Luar Negeri)**

25. PN-1141-U2325

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

**(Menteri Sumber Manusia)**

26. PN-1141-U2327

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

27. PN-1141-U2329

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.66	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.79	Laporan Tahunan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2005	17 Mei 2007
ST.89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.101	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2001 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007
ST.116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Mei 2007